

26 JUN 2001

PERDANA MENTERI LAWAT PULAU PINANG DUA HARI

PULAU PINANG, 26 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan beberapa sesi perjumpaan dengan anggota Umno dan pemimpin Barisan Nasional (BN) sepanjang lawatan dua harinya ke negeri ini mulai Khamis ini.

Menurut aturcara lawatan yang dikeluarkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri hari ini, Dr Mahathir yang diiringi isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dijadual tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas pukul 6.45 petang.

Pada malam itu beliau akan menghadiri perjumpaan dengan pemimpin BN di sebuah hotel di Bukit Jambul selepas menghadiri makan malam bersama anggota Exco kerajaan negeri di hotel itu.

Keesokan harinya beliau akan mengadakan perjumpaan dengan pemimpin Umno terdiri daripada jawatankuasa bahagian, ketua cawangan, ketua Pemuda dan Wanita bahagian Bayan Baru dan Balik Pulau di Kompleks Sukan Balik Pulau.

Ini akan diikuti majlis makan tengah hari bersama rakyat di kompleks itu.

Selepas bersolat jumaat di Masjid Seberang Jaya, Dr Mahathir akan mengadakan perjumpaan dengan Umno bahagian Permatang Pauh dan Bukit Mertajam di Politeknik Seberang Perai.

Dr Mahathir dan Datuk Seri Dr Siti Hasmah akan menghadiri jamuan teh bersama rakyat di perkarangan politeknik berkenaan sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur dari pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di Butterworth,

-- BERNAMA
NER NMO